

10/04/2001

Puisi rentas sempadan darjat insan

Khalid Salleh

MASYARAKAT penulis, khususnya penyair (kalau boleh disebut demikian) tentu bahagia atau bangga dengan perkembangan terkini kerana puisi berupaya membelakangkan sempadan 'kepegawaian' dan marhaenisme.

Ini terbukti apabila majlis pembacaan puisi yang bertali arus kini turut membabitkan beberapa orang penting dalam perniagaan, pemimpin, doktor pakar, politikus dan pelbagai personaliti yang turut memberi perhatian terhadap majlis pembacaan puisi pada peringkat negeri atau nasional.

Mungkin bukan rahsia lagi Berita Harian dan Persatuan Penulis Nasional (Pena) adalah mekanisme yang menggerakkan majlis baca puisi 'membahang' ke pelbagai tempat baik di bandar besar (ibu negeri) mahu pun daerah.

Suatu hal yang nyata ialah baca puisi di Rumah Pena masih berjalan dengan penuh bergaya setiap bulan (Jumaat minggu pertama).

Kesan daripada baca puisi di rumah Pena sedikit sebanyak mengalirkan minat membaca puisi pada persekitaran budaya manusia yang penuh atau padat dengan lingkaran kebendaan.

Dimensi perolehan data yang memberangkatkan personafikasi manusia terperangkap dalam 'pembezaan manusia' memberi laluan untuk sekurang-kurangnya tidak menghunjamkan hala tuju kepada suatu benda terus-menerus.

Mungkin, sedikit sekali manusia yang memberi perhatian ke arah 'manisnya' bunyi ungkapan perkataan dengan tempo yang serba mungkin.

Ada ketikanya membuai dengan hanya suara yang rendah tapi bertenaga. Kemudian beransur meninggi dan 'menyuntik' persoalan dengan hayat pengucapan serta melodi pembentukan 'karismatik' perkataan membangun atau dibangun oleh pembacanya (deklamator).

Seterusnya cuba menampilkan saat kemuncak dan membentuk 'super magik' apabila karya atau puisi dibaca itu adalah pengalaman seseorang yang sewajarnya ditanggapi semua orang, dengan penjalinannya adalah 'nahu' yang disuaipakaikan oleh pembacanya.

Itulah sedikit sebanyak makna baca puisi yang sekarang ini menjadi 'wabak' dan seakan-akan menunggu saatnya untuk menggemparkan medan persimpangan antara profesionalisme, kosmopolitan dan tidak terkecuali 'biarawan' atau budayawan yang terseliuh budinya di sela kemelut darjah kebesaran dan makna kehidupan.

Dari segi apa sekalipun, puisi menjejakkan suaranya ke pelosok, malah Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohammad juga beberapa kali membaca puisinya, Perjuangan Yang Belum Selesai pada majlis khusus termasuk persidangan agung Umno beberapa tahun lalu.

Beberapa Menteri Besar dan Ketua Menteri juga tidak ketinggalan membaca puisi pada majlis tertentu. Antaranya ialah Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman; Menteri Besar Perlis, Datuk Shahidan Kassim; Ketua Menteri Melaka, Datuk Mohd Ali Rustam dan barangkali menyusul beberapa nama lagi yang membabitkan pemimpin pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang sedikit sebanyak mempengaruhi minat orang ramai terhadap majlis baca puisi di samping memungkinkan perhatian masyarakat umum terhadap puisi.

Dari segi pembiakan atau pembudayaan, puisi membuka suasana kehidupan yang terlepas daripada persoalan meritokrasi. Bahkan, anak kecil yang masih berada di sekolah rendah seperti Iz Taufik Sazali beberapa kali membacakan puisi ayahnya (Sazali Yacub) pada majlis utama yang dihadiri oleh pemimpin kerajaan termasuk Perdana Menteri di samping perwakilan yang turut diundang ke majlis itu.

Maknanya, puisi adalah semangat manusia yang mencerminkan wajah

kehidupan secara umum. Tuhan, manusia, bulan, bintang, angin, ombak, laut, bukit, gunung, sungai, daratan, bulat, tajam, halus, mulut, pipi, air, api dan pelbagai pokok persoalan yang menjadikan latar pokok kehidupan manusia berasosiasi dengan rupa kelainan dan kepelbagaiannya, adalah suara kemanusiaan yang terjelma melalui desah kesedaran manusianya.

Mungkin bunyi puisi yang ditulis atau dibaca itu tidak selari dengan penampilannya sebagai orang tertentu dalam kehidupan sehariannya. Namun, emansipasi kemerdekaan diri setidak-tidaknya membenarkan suara hatinya didengar orang lain.

Kadang-kadang puisi seperti `main-main' kedengaran atau kelihatannya. Barangkali juga puisi itu sendiri memang `main-main' dalam pengertiannya yang sebenar.

Bagaimanapun, puisi berkomunikasi dan menyuntik akal budi mana-mana pihak sekalipun apabila dibaca dengan pola pembacaan yang sistemantik atau teratur menurut `nafas' puisi sendiri.

Inilah yang membuka ruang kebebasan untuk individu `beraksi' dengan pembacaan, pada waktu sama berusaha memberi adunan sesuai dengan cita rasa dan kefahaman terhadap puisi yang dibaca.

Apabila mengingatkan pembacaan puisi yang sedang `menjelajah' ke pelosok kehidupan sekarang, kita tidak seharusnya melupakan benih yang dicambahkan penggerak terdahulu.

Di Taman Budaya, Jalan Ampang Kompleks (sekarang Hotel Nikko) mulanya sekadar santau atau `lepak' di halaman berumput, Anak Alam beraksi spontan dengan gerak yang dibangun daripada bunyi `ning-ngong' (sejenis alat muzik tradisional Sabah yang dipanggil Bungkau) di samping gendang dan ketuk-ketuk (gambang).

Muncul berikutnya pembacaan yang mencetuskan era pembacaan puisi berkembang. Di samping Hari Puisi yang pertama di Melaka pada 1971, kedua di Taman Budaya pada 1972 dan di Klang pada 1974. Sangat besar perannya dalam membentuk kesan yang dibanggakan sekarang.

Nama seperti Datuk Baharuddin Musa, Allahyarham Ismail Zin (kedu-duanya pegawai tinggi Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan atau KKBS), Usman Awang, Baha Zain, Latiff Mohidin, Anas K Hadimaja, Ismas Saring, Yassin Salleh, Matari Rahman, Rahim Razali dan Borhan Md Zain antara sekian ramai mereka yang menghasilkan Malam Cempaka Berbunga atau Malam Berbunga Sajak yang membentuk pembacaan puisi diminati dan disenangi sebagaimana yang ada sekarang ini.

Tahniah kepada mereka yang menjelmakan keadaan sedemikian.

Apakah kemenangan itu (kalau boleh disebut sebagai kemenangan demikian mudah dan singkat perolehannya?) Mungkin, kita tidak dapat melihat lagi orang seperti Tan Sri Ghazali Shafie turut sama `lepak' di rumput menikmati pembacaan puisi sebagaimana pernah berlaku pada Malam Berbunga Sajak atau Malam Cempaka Berbunga di Taman Budaya puluhan tahun lalu.

Kini puisi membentuk keperibadiannya tersendiri. Puisi atau pembacaan puisi bukan lagi `main-main'. Ia adalah suhu yang mula menggerakkan keperibadian manusia menoleh kembali dosa pahala atau susah-senang yang pernah dilaluinya.

Tidak keterlaluan rasanya kalau dikatakan puisi adalah keterbukaan yang mencetuskan sedar ruang, sedar diri serta memahami sifat dan zat yang menjadikan dirinya ada di dunia ini.

(END)